

07 JAN 2002

MAHATHIR-MATAWANG/I

KEPERCAYAAN ORANG RAMAI MEMULIHKAN KEYAKINAN TERHADAP RINGGIT, KATA DR. MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kepercayaan yang ditunjukkan oleh orang ramai terhadap matawang ringgit telah membolehkan Malaysia berjaya mengawal kadar pertukaran matawang tempatan berbanding matawang-matawang utama yang lain.

Kewujudan jentera kerajaan yang cekap untuk memantau sistem kewangan dengan baik telah membantu meningkatkan lagi keyakinan di dalam sistem perbankan negara, kata beliau ketika berucap pada Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ketiga di sini.

Beliau berkata Malaysia mampu berjaya hasil daripada kepercayaan orang ramai dan tidak seperti Argentina di mana rakyatnya sendiri tidak mempunyai kepercayaan terhadap matawang mereka sendiri.

Walaupun matawang peso telah ditambat kepada dolar Amerika seperti mana ringgit, negara itu masih menghadapi masalah kerana kebanyakan mereka (rakyatnya) lebih sukar menukar peso kepada dolar AS dan menyimpannya di bank-bank Amerika, tambah beliau.

Baru-baru ini, Argentina dilaporkan menurun nilai matawang peso kepada kadar tetap 1.40 berbanding dolar AS daripada kadar pertukaran matawang "one-to-one" (kadar pertukaran matawang itu dengan matawang yang lain) yang telah berlangsung hampir sedekad dalam usaha mengelak kemelesetan.

Perdana Menteri menambah di setengah-setengah negara jiran yang lain, kebanyakan hotel lebih suka jika pembayaran dibuat dalam matawang AS daripada matawang sendiri, tidak seperti Malaysia di mana pembayaran sentiasa boleh dibuat dalam ringgit.

Ketiadaan "pasar gelap" untuk menukar ringgit kepada matawang-matawang lain juga mencerminkan kepercayaan orang ramai terhadap ringgit Malaysia, kata beliau.

Selain daripada itu, beliau berkata kerajaan mampu memberikan nilai transaksi sebenar untuk ringgit memandangkan ia boleh mengutip cukai dalam matawang sendiri bagi merealisasikan nilai sepenuhnya.

"Bagaimanapun, satu-satunya perkara pelik di Malaysia ialah masalah kita yang mempunyai wang yang banyak tetapi tidak tahu bagaimana untuk membelanjakan wang yang banyak itu", tambah beliau.

Menghurai dengan lebih lanjut mengenai kadar pertukaran tetap, beliau berkata apabila Malaysia memulakan sistem tambatan ini, ia menghadapi pelbagai kritikan tetapi Argentina sebaliknya menerima pujian menjadi negara pertama menambatkan matawangnya kepada dolar AS.

Walaupun dengan kadar matawang yang telah ditetapkan, Malaysia tetap berjaya berbanding negara-negara lain yang menerima cadangan untuk mengguna pakai kadar pertukaran bebas.

Kecuali Korea Selatan, beberapa negara lain yang mengikuti nasihat Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan negara-negara kuasa barat menghadapi masalah.

Dalam hal ini, beliau berkata Malaysia mencontohi China yang mengguna pakai kadar pertukaran tetap dan tidak membenarkan penurunan nilai matawang renminbi mereka. -- BERNAMA

SHO SEL AA